



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI SEKOLAH
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami: KPM.100-1/3/2 Jld.2 (9)
Tarikh : 22 Jun 2020

**Semua Setiausaha Bahagian
Semua Pengarah Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 6 TAHUN 2020**

**PINDAAN TAKWIM PENGGAL DAN CUTI PERSEKOLAHAN TAHUN 2020 BAGI
SEKOLAH KERAJAAN DAN SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN KEMENTERIAN
PENDIDIKAN MALAYSIA**

Sukacita dimaklumkan bahawa surat siaran ini adalah bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Pindaan Takwim Penggal dan Cuti Persekolahan Tahun 2020 bagi Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

2. KPM telah melaksanakan penutupan semua institusi pendidikan akibat pandemik COVID-19 melalui pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan oleh kerajaan yang bermula pada 18 Mac 2020. Walau bagaimanapun, KPM telah membuat keputusan untuk membuka semula sekolah secara berperingkat setelah mendapat pandangan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara dalam beberapa sesi perbincangan yang diadakan berkaitan perkara tersebut. Justeru, pada 10 Jun 2020, YB Menteri Kanan Pendidikan Malaysia telah membuat pengumuman bahawa pada peringkat permulaan, sekolah akan dibuka semula pada 24 Jun 2020 melibatkan hanya murid kelas peperiksaan awam iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Vokasional Malaysia (SVM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan peperiksaan antarabangsa yang setara.

3. KPM juga telah mengeluarkan Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2020 : Garis Panduan Pembukaan Semula Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 4 Jun 2020 sebagai rujukan kepada semua institusi pendidikan termasuk Kolej Vokasional dan Kolej Tingkatan Enam (6) di bawah KPM dan Institusi Pendidikan Swasta yang berdaftar dengan KPM.

Sila catatkan rujukan Pejabat ini apabila berhubung

4. Sehubungan dengan itu, KPM telah membuat ketetapan bahawa pindaan penggal persekolahan **sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan** bagi sesi tahun 2020 bermula pada **1 Januari 2020** dan tamat pada **17 Disember 2020** bagi sekolah dalam negeri **Kumpulan A**. Manakala, sekolah dalam negeri **Kumpulan B** bermula pada **2 Januari 2020** dan tamat pada **18 Disember 2020**. Perincian takwim penggal dan cuti persekolahan tahun 2020 bagi negeri **Kumpulan A** adalah seperti pada **Lampiran A** dan bagi negeri **Kumpulan B** adalah seperti pada **Lampiran B**.

5. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan, **tiada perubahan** pada tarikh cuti perayaan **Deepavali** dan **Hari Krismas** tahun 2020 sebagaimana yang diperuntukkan oleh KPM sebelum ini. Maklumat terperinci berhubung cuti perayaan bagi sesi persekolahan tahun 2020 adalah seperti pada **Lampiran C**. Semua sekolah hendaklah mematuhi cuti perayaan yang telah diperuntukkan oleh KPM dan cuti tersebut **tidak perlu diganti**.

6. Surat siaran ini **berkuat kuasa** serta merta mulai pada tarikh surat ini dikeluarkan. Oleh itu, Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2020: Takwim Penggal Dan Cuti Persekolahan Tahun 2020 Bagi Sekolah Kerajaan Dan Sekolah Bantuan Kerajaan bertarikh 01 Januari 2020 adalah **dibatalkan**.

7. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dimohon mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, pengetua dan guru besar bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



HAJI ADZMAN BIN TALIB

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

(Sektor Operasi Sekolah)

merangkap Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru

Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. YB Menteri Kanan Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia

PINDAAN PENGGAL PERSEKOLAHAN TAHUN 2020

KUMPULAN A :

Sekolah-sekolah di Negeri Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu

PENGGAL	MULA PERSEKOLAHAN	AKHIR PERSEKOLAHAN	JUMLAH HARI	JUMLAH MINGGU	
1	01.01.2020	31.01.2020	19	11	
	01.02.2020	29.02.2020	20		
	01.03.2020	12.03.2020	10		
	JUMLAH HARI			49	
	CUTI PERTENGAHAN PENGGAL 1 13.03.2020 - 21.03.2020			9	1
	TEMPOH PKP				9
	22.03.2020	31.03.2020	8		
	01.04.2020	30.04.2020	22		
	01.05.2020	21.05.2020	13		
	JUMLAH HARI			43	
CUTI PERTENGAHAN TAHUN 22.05.2020 - 06.06.2020			16	2	
2	TEMPOH PKPB DAN PKPP				2
	07.06.2020	23.06.2020	13		
	JUMLAH HARI			13	
	24.06.2020	30.06.2020	5	8	
	01.07.2020	31.07.2020	22		
	01.08.2020	19.08.2020	14		
	JUMLAH HARI				41
	CUTI PERTENGAHAN PENGGAL 2 20.08.2020 - 24.08.2020			5	1
	25.08.2020	31.08.2020	4	17	
	01.09.2020	30.09.2020	21		
	01.10.2020	31.10.2020	20		
01.11.2020	30.11.2020	20			
01.12.2020	17.12.2020	13			
JUMLAH HARI			78		
CUTI AKHIR TAHUN 18.12.2020 - 31.12.2020			14	2	

* Pengajaran dan pembelajaran bagi murid Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) Semester 3 (Kohort Tahun 2020) dan Semester 1 (Kohort Tahun 2021) akan disambung pada Tahun 2021 berdasarkan Penggal Institusi Pendidikan yang akan diwartakan kelak.

PINDAAN PENGGAL PERSEKOLAHAN TAHUN 2020

KUMPULAN B : Sekolah-sekolah di Negeri Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan & Wilayah Persekutuan Putrajaya

PENGGAL	MULA PERSEKOLAHAN	AKHIR PERSEKOLAHAN	JUMLAH HARI	JUMLAH MINGGU	
1	02.01.2020	31.01.2020	19	11	
	01.02.2020	29.02.2020	20		
	01.03.2020	13.03.2020	10		
	JUMLAH HARI			49	
	CUTI PERTENGAHAN PENGGAL 1 14.03.2020 - 22.03.2020			9	1
	TEMPOH PKP				9
	23.03.2020	31.03.2020	7		
	01.04.2020	30.04.2020	22		
	01.05.2020	22.05.2020	14		
	JUMLAH HARI			43	
CUTI PERTENGAHAN TAHUN 23.05.2020 - 07.06.2020			16	2	
2	TEMPOH PKPB DAN PKPP				2
	08.06.2020	23.06.2020	12		
	JUMLAH HARI			12	
	24.06.2020	30.06.2020	5	8	
	01.07.2020	31.07.2020	22		
	01.08.2020	19.08.2020	13		
	JUMLAH HARI				40
	CUTI PERTENGAHAN PENGGAL 2 20.08.2020 - 24.08.2020			5	1
	25.08.2020	31.08.2020	4	17	
	01.09.2020	30.09.2020	21		
01.10.2020	31.10.2020	21			
01.11.2020	30.11.2020	19			
01.12.2020	18.12.2020	14			
JUMLAH HARI			79		
CUTI AKHIR TAHUN 19.12.2020 - 31.12.2020			13	2	

* Pengajaran dan pembelajaran bagi murid Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) Semester 3 (Kohort Tahun 2020) dan Semester 1 (Kohort Tahun 2021) akan disambung pada Tahun 2021 berdasarkan Penggal Institusi Pendidikan yang akan diwartakan kelak.

CUTI PERAYAAN TAHUN 2020

CUTI PERAYAAN	CUTI PERAYAAN YANG DIPERUNTUKKAN OLEH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA	
	KUMPULAN A	KUMPULAN B
TAHUN BARU CINA 25.01.2020 (Sabtu) dan 26.01.2020 (Ahad)	23.01.2020 (Khamis)	23.01.2020 (Khamis)
	27.01.2020 (Isnin)	24.01.2020 (Jumaat)
HARI RAYA AIDILFITRI 24.05.2020 (Ahad) dan 25.05.2020 (Isnin)	20.05.2020 (Rabu)	21.05.2020 (Khamis)
	21.05.2020 (Khamis)	22.05.2020 (Jumaat)
HARI KAAMATAN 30.05.2020 (Sabtu) dan 31.05.2020 (Ahad)		Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja
HARI GAWAI DAYAK 01.06.2020 (Isnin) dan 02.06.2020 (Selasa)		Sarawak sahaja
HARI DEEPAVALI 14.11.2020 (Sabtu)	15.11.2020 (Ahad)	13.11.2020 (Jumaat)
	16.11.2020 (Isnin)	16.11.2020 (Isnin)

KUMPULAN A :

Sekolah-sekolah di Negeri Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu

KUMPULAN B :

Sekolah-sekolah di Negeri Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan & Wilayah Persekutuan Putrajaya

CATATAN :

- Perayaan Hari Raya Aidilfitri : 24 & 25 Mei 2020 (Dalam Cuti Pertengahan Tahun)
 Perayaan Hari Kaamatan : 30 & 31 Mei 2020 (Dalam Cuti Pertengahan Tahun)
 Perayaan Hari Gawai Dayak : 01 & 02 Jun 2020 (Dalam Cuti Pertengahan Tahun)
 Perayaan Hari Raya Qurban : 31 Julai & 01 Ogos 2020 (Cuti Ganti pada 02 Ogos 2020 bagi Negeri Kedah dan Negeri Johor sahaja)
 Perayaan Hari Krismas : 25 Disember 2020 (Dalam Cuti Akhir Tahun)